



## FACULTY OF LIBERAL ARTS

### FINAL EXAMINATION

Student ID (in Figures) : 

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Student ID (in Words) : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Subject Code & Name : **MPU2212 Bahasa Kebangsaan A**

Semester & Year : September - December 2017

Lecturer/Examiner : Ms Normaizura Md Zain

Duration : 2 Hours

#### **INSTRUCTIONS TO CANDIDATES**

1. This question paper consists of 2 parts:
 

**PART A (30 marks)** : 30 multiple choice questions. Answers are to be shaded in the Multiple Choice Answer Sheet provided.

**PART B (70 marks)** : SOALAN 1 – Kefahaman dan Tatabahasa  
SOALAN 2 – Karangan (Pilih SATU (1) sahaja)
2. Candidates are not allowed to bring any unauthorized materials except writing equipment into the Examination Hall. Electronic dictionaries are strictly prohibited.
3. This question paper must be submitted along with all used and/or unused rough papers and/or graph paper (if any). Candidates are NOT allowed to take any examination materials out of the examination hall.
4. Only ballpoint pens are allowed to be used in answering the questions, with the exception of multiple choice questions, where 2B pencils are to be used.

**WARNING:** The University Examination Board (UEB) of BERJAYA University College of Hospitality regards cheating as a most serious offence and will not hesitate to mete out the appropriate punitive actions according to the severity of the offence committed, and in accordance with the clauses stipulated in the Students' Handbook, up to and including expulsion from BERJAYA University College of Hospitality.

**Total Number of pages = 12 (Including the cover page)**

## **BAHAGIAN B**

### **SOALAN 1 : SOALAN SUBJEKTIF (40 MARKAH)**

**ARAHAN** : Jawab semua soalan di bawah ini.

---

#### **SOALAN 1 – PEMAHAMAN TEKS**

##### **Petikan (i)**

*Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikut.*

Misi Isha menarik kerusi pelawat lalu duduk menyelesakan diri sebelum memulakan ayat pertamanya. Dia berbisik, mungkin tidak mahu sesiapa mendengar termasuklah Cikgu Sufiah walaupun Cikgu Sufiah sedang lena di katilnya.

*“Aku pula mahu mengeluh panjang. Mendengar cerita sebenar daripada Misi Is umpama mencurah asid ke jantung hati. Hancur sehancurnya. Masih ada manusia berfikiran sepertinya di dunia serba moden ini. Sudah aku bilangkan pada awalnya, manusia itu punya alasan lain dengan melepas marah kepada Cikgu S.*

*Misi Is amat bermusuh dengan insan bergelar guru. Zaman sekolahnya dahulu penuh dengan kemarahan guru. Rotan dan cubitan keras semuanya telah dirasa. Pulang ke rumah habis lebam-lebam ditambah ayah. Akhirnya, Misi Is menjadi dendam dengan mana-mana manusia bergelar guru. Aku terfikir sejenak, tidakkah dia sedar kejayaannya kini adalah daripada asuh dan didikan seorang guru?”*

Hari-hari berlalu. Aku semakin mesra dengan Cikgu Sufiah. Aku tidak perlu memanggilnya lagi, kerana dia sendiri akan datang berbual denganku. Suatu hari, Cikgu Sufiah ada bertanyakan sesuatu. Soalannya itu memerlukan aku menjawab dengan sepenuh hati.

“Di sini cikgu mengajar saya erti ketabahan. Saya selalu sedih kerana keluarga saya tidak datang melawat. Saya faham mereka sedang berusaha keras demi masa depan kami. Cuma hati kecil ini kadangkala sengaja tidak mahu faham. Melihat cikgu yang tenang dan selalu riang buat saya jadi tabah. Ilmu ketabahan cikgu **menjerat saya agar sama-sama yakin untuk teruskan hidup** walaupun sesukar mana cabaran menduga.”

Waktu itu, tiba-tiba sahaja Misi Isha datang menghentakkan dulang ubatan. Mungkin dia cemburu melihat aku terlalu mesra dengan Cikgu Sufiah.

*(dipetik dan diubah suai daripada cerpen  
'Kelangsungan Cinta' oleh Hasni Jamali, 2011)*

1. Apakah yang dimaksudkan dengan frasa **menjerat saya agar sama-sama yakin untuk teruskan hidup?** **(2 markah)**
2. Apakah **DUA (2)** perwatakan ‘aku’ seperti yang terdapat dalam petikan di atas dan nyatakan contohnya? **(4 markah)**
3. Pada pendapat anda, mengapakah kita perlu menghormati seorang guru? **(4 markah)**

### **Petikan (ii)**

*Baca petikan teks di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikut.*

Dalam **insiden tragis** seperti bencana tsunami, gempa bumi, banjir besar atau ribut taufan, mangsa yang terlibat pasti mengharapkan sumbangan dan bantuan daripada sesiapa sahaja yang berhati mulia. Sumbangan atau derma ini amat besar nilainya kepada mangsa yang terlibat. Sekurang-kurangnya mereka dapat membantu meneruskan kehidupan masing-masing. Sifat bermurah hati dengan menghulurkan derma atau bantuan juga merupakan sifat yang terpuji dan mulia di sisi Tuhan, malah sesama manusia itu sendiri. Amalan derma bukan sahaja dalam bentuk wang ringgit, tetapi boleh juga berbentuk organ, darah, dan harta benda yang dimiliki kepada pihak yang memerlukannya. Begitu juga halnya dengan kerja-kerja amal yang dilakukan oleh pelbagai pihak di negara ini. Amalan derma seperti derma darah dapat menampung keperluan bagi menyelamatkan nyawa orang ramai. Malahan, penderma darah mempunyai risiko yang tendah untuk diserang penyakit jantung. Oleh itu, rakyat Malaysia disarankan agar peka dan bermurah hati untuk membantu mereka yang memerlukan.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan frasa **insiden tragis?** **(2 markah)**
2. Berdasarkan petikan, berikan **EMPAT (4)** kebaikan menderma? **(4 markah)**
3. Pada pendapat anda, bagaimanakah caranya untuk menjadikan amalan suka menderma sebagai satu budaya? **(4 markah)**

## SOALAN 2 – TATABAHASA

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan **WAJIB** dijawab. Tuliskan jawapan anda di atas kertas jawapan yang disediakan.

- (a) Bina satu ayat bagi setiap perkataan di bawah ini supaya jelas menunjukkan perbezaan maknanya. Anda tidak boleh menambah imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa.

- I. kalah
- II. tewas
- III. gugur
- IV. musnah
- V. hancur

**(10 markah)**

- (b) Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula. Jawapan hendaklah ditulis di kertas jawapan.

- I. Makmal computer yang sedang dibina itu adalah untuk penggunaan pelajar-pelajar sekolah itu.

Kesalahan ejaan : \_\_\_\_\_  
Kesalahan imbuhan : \_\_\_\_\_

- II. Semua pihak perlu bekerjasama untuk mengbanteras masalah penagihan dadah dalam kalangan remaja.

Kesalahan ejaan : \_\_\_\_\_  
Kesalahan imbuhan : \_\_\_\_\_

- III. Sesetengah pesakit yang sudah keritikal biasanya akan diberikan perhatian yang lebih terdalam oleh doktor.

Kesalahan ejaan : \_\_\_\_\_  
Kesalahan imbuhan : \_\_\_\_\_

- IV. Peramugara itu telah berjaya berkumpul wang bagi membeli rumah untuk dihadiahkan kepada bakal isterinya.

Kesalahan ejaan : \_\_\_\_\_  
Kesalahan imbuhan : \_\_\_\_\_

- V. Penduduk kampong yang dikenali sebagai Pak Atan telah berjaya menangkap seekor buaya ganas yang telah dibaham mangsanya yang kelima semalam.

Kesalahan ejaan : \_\_\_\_\_  
Kesalahan imbuhan : \_\_\_\_\_

(10 markah)

**SOALAN 2 : SOALAN ESEI (30 MARKAH)**

**ARAHAN** : Bahagian ini terdiri daripada **SATU (1)** bahagian yang wajib dijawab.

---

**KARANGAN**

Tuliskan sebuah karangan dengan memilih **SATU (1)** daripada tajuk di bawah. Panjang karangan anda hendaklah **tidak kurang daripada 450 patah perkataan**.

**SOALAN 1**

Kesesakan lalu lintas masih lagi berlaku, malah keadaannya semakin teruk di Malaysia. Walaupun harga petrol dan kadar tol dinaikkan, namun masih ramai yang memilih untuk memandu sendiri. Jelaskan usaha-usaha yang patut dilakukan untuk menggalakkan orang ramai menggunakan perkhidmatan awam.

**SOALAN 2**

Makanan segera ialah makanan yang tidak asing lagi dalam kalangan masyarakat sekarang, terutamanya golongan remaja dan kanak-kanak. Bincangkan keburukan makanan segera dalam kehidupan seharian.

**SOALAN 3**

Tuliskan sebuah cerita berdasarkan peribahasa ‘seperti lembu dicucuk hidung’.

**KERTAS SOALAN TAMAT**